

Motivasi Pelajar Pengaruhi Proses Pembelajaran

Oleh :Nur Aini Nadhirah Binti Hod

Universiti Sains Islam Malaysia

Diterbitkan pada 30 Julai 2021



Tahap minat pelajar dalam mempelajari sesuatu subjek juga mempengaruhi motivasi mereka.

Sejak lahir, kita sentiasa belajar perkara baharu. Keterujaan mempelajari perkara baharu dan menarik merupakan pengalaman yang tidak dapat dibeli dengan wang ringgit.

Di negara kita sendiri, ramai pelajar sekolah dan universiti terutamanya yang berada di pedalaman sanggup bersusah payah untuk menimba ilmu.

Selain itu,di Bangladesh, lebih 100 buah sekolah dibina di atas perahu dan kapal berikutan kemudahan-kemudahan sekolah yang sering dimusnahkan oleh banjir besar setiap tahun sehingga mengganggu proses pembelajaran.

Walau bagaimanapun, sebahagian pelajar merasakan bahawa belajar adalah perkara yang susah. Sebahagian daripada mereka berpendapat bahawa sesetengah subjek yang dipelajari tidak begitu penting dan relevan dengan kerjaya pilihan mereka pada masa hadapan.

Fikiran negatif ini menjadi punca mengapa ramai pelajar menjadi malas dan selalu mengelakkan diri daripada cuba memahami subjek-subjek tertentu. Diri mereka sendiri menjadi musuh dan halangan utama untuk melangkah maju ke hadapan.

Motivasi memainkan peranan penting bagi memastikan para pelajar sentiasa mempunyai minat untuk belajar. Dalam bidang psikologi, terdapat dua faktor yang membentuk motivasi iaitu orientasi intrinsik (dalaman) yang merujuk kepada kepuasan serta rasa seronok dan orientasi ekstrinsik (luaran) yang berlaku disebabkan pulangan luaran.

Bagaimana caranya bagi para pelajar untuk menetapkan dan meningkatkan motivasinya semasa belajar? Kaedahnya adalah seperti berikut:

1. Perbetulkan matlamat setiap hari

Untuk berjaya, menetapkan matlamat adalah salah satu kaedah yang berkesan. Seorang ahli psikologi di Amerika Syarikat, David McClelland menegaskan bahawa keperluan untuk pencapaian dipengaruhi oleh kebolehan diri dalam menetapkan matlamat.

Namun, matlamat yang diletakkan dalam minda sahaja adalah kurang berkesan. Anda boleh menulis matlamat-matlamat yang ingin dicapai di atas kertas atau nota kecil.

Dengan melakukan rutin ini setiap hari, anda secara tidak langsung akan mengingatkan diri sendiri untuk berusaha bagi mencapai matlamat yang ditetapkan.

2. Pelbagaikan kaedah pembelajaran

Bagi subjek yang anda rasa susah untuk difahami atau 'tangkap', boleh gunakan kreativiti untuk belajar. Contoh permainan berkaitan formula dan nombor boleh menambahkan lagi pemahaman anda dalam subjek matematik.

Di Sekolah Viktor Rydberg, Scotland, pelajar yang berusia 13 tahun dibenarkan bermain 'Minecraft'. Menurut guru di sana, permainan tersebut dapat mengasah lagi kreativiti mereka.

Selain itu, anda juga boleh belajar dan mengulang kaji secara berkumpulan. Anda juga boleh berbincang dengan rakan-rakan apabila tidak faham tentang suatu topik.

3. Melihat jauh ke hadapan

Membayangkan hasil dan manfaat yang bakal diperoleh adalah salah satu cara yang berkesan. Untuk menambahkan lagi keberkesanan, anda boleh menulis hasil yang akan diperolehi sebanyak mungkin di kertas besar seperti yang bersaiz A3 dan tampalkan di tempat belajar dan setiap kali sebelum memulakan pembelajaran, lihatlah kertas tersebut.

4. Memberi ganjaran

Hakikatnya motivasi selalunya dipengaruhi oleh faktor intrinsik tetapi berikan ganjaran seperti hadiah atau sijil apabila pelajar beroleh keputusan yang bagus dan cemerlang.

Langkah itu dapat meningkatkan motivasi mereka untuk terus belajar. Manakala untuk pelajar yang kurang cemerlang dan gagal, sedikit pujian dan hadiah yang setimpal boleh diberi atas usaha mereka dalam menimba ilmu.

Dalam keadaan dunia dilanda pandemik Covid-19, banyak cabaran yang dihadapi oleh orang ramai termasuk para pelajar. Lain pelajar lain cabarannya dan sedikit sebanyak memberi impak terhadap motivasi mereka.

Sehubungan itu, ibu bapa dan guru juga harus memainkan peranan bagi memastikan anak-anak mereka dalam keadaan tidak tertekan dan sentiasa bermotivasi ketika belajar.